



TAHNIAH
...Omar (kiri)
menyampaikan
anugerah
Tokoh
Kepimpinan
Gakum
kepada Omar
Osman pada
Majlis
Sambutan
Hari Pekerja
2010,
semalam.

Tukar status 95,000 kakitangan

Cuepacs mahu gelaran Kumpulan Sokongan diubah

SERDANG: Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu gelaran status Kumpulan Sokongan bagi penjawat awam ditukar kepada Kumpulan Pegawai Pelaksana supaya dapat membentuk budaya kerja lebih kreatif dan cemerlang.

Presidennya, Omar Osman berkata, tuntutan pihaknya itu selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB) kerajaan dalam usaha memantapkan sektor perkhidmatan awam di negara ini.

Menurutnya, pada masa ini ada 95,000 penjawat awam daripada Kumpulan Sokongan membabitkan pelbagai tahap dan kelayakan.

"Kami hendak status gelaran Kumpulan Sokongan ditukar kerana Gred 1 hingga 40 dalam kumpulan ini mempunyai diploma ke bawah. Peringkat diploma ini kita tak boleh panggil kumpulan sokongan.

"Kalau meletakkan seseorang itu kumpulan sokongan jadi pemikiran pekerja ini menganggap seolah-olah ada kerja buat, tak ada kerja tak buat, suruh buat, tak suruh tak buat. Jadi masih perlu diarah.

"Justeru, kami dalam perhimpunan Cuepacs (baru-baru ini) kami bersetuju hendak minta ditukar kepada Kumpulan Pegawai Pelaksana. Apabila pegawai pelaksana, diberi arahan kena laksana sampai selesai, tak ada lagi timbul sokongan," katanya pada Majlis Sambutan Hari Pekerja Kakitangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Majlis perasmian sambutan itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Omar Abdul Rahman, yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Hadir sama Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah; Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Datuk Dr Zainai Mohamed dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Dr Aziz Deraman.

Sambutan yang julung kali diadakan Gabungan Kesatuan Universiti Malaysia (Gakum) itu bertujuan meraikan kakitangan dan ahli persatuan sempena Hari Pekerja 1 Mei lalu.

Omar yang juga Pengerusi Gakum, berkata perhimpun-

nan tersebut penting kerana sejumlah 45,000 kakitangan awam dari Kumpulan Sokongan berada di IPTA.

Justeru, beliau berkata, pihaknya berharap perhimpunan akan datang turut mendapat bantuan daripada pihak-kementerian supaya sambutannya lebih gemilang.

"Kami berharap semua pengurusan universiti menyokong aktiviti ini. Ini kerana ia selaras dengan pemikiran kreatif dan inovatif, malah kami tidak lari daripada konsep itu," katanya.

Beliau berkata, dalam menuju ke arah konsep itu, sekali gus mempertingkatkan kemahiran penjawat awam di IPTA, pihaknya berharap semua bahagian latihan universiti dapat memantapkan aspek latihan.

"Malah, semua penjawat perlu diberikan pemahaman lanjut kerana universiti adalah berlainan sedikit berbanding agensi lain," katanya.

Katanya, ketika ini sebanyak 16 IPTA mempunyai persatuan dan bernaung di bawah Gakum, manakala empat universiti lagi belum berbuat demikian.

"Kita minta jasa baik pihak pengurusan supaya dapat membantu dalam hal ini untuk menubuhkan persatuan," katanya.